

**Untuk Siaran Segera
25 Jun 2026**

ASB 3 DIDIK ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.50 SEN SEUNIT

Prestasi Kukuh Mencatatkan Pembayaran RM480 Juta, Memberi Manfaat kepada Lebih 350,000 Pemegang Unit dengan Pulangan Kompetitif Mengatasi Penanda Aras

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2026.
- ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM480 juta yang memanfaatkan 354,651 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.50 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.05% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 345 mata asas.
- Pemegang unit yang telah memilih pengaturan Khultah (Kelas B) akan menerima dividen bersih selepas zakat, dengan potongan sebanyak 2.57% ke atas dividen tersebut, menjadikan anggaran dividen bersih sebanyak 5.36% berdasarkan kadar agihan yang diisytiharkan sebanyak 5.50%.

Kuala Lumpur, 25 Jun 2026: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2026.

ASB 3 Didik telah mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM480 juta, bersamaan 5.50 sen seunit kepada 354,651 pemegang unit yang kini memiliki sebanyak 9.85 bilion unit. Pengagihan pendapatan ASB 3 Didik ini menyumbang kepada jumlah pulangan sebanyak 5.50% mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sebanyak 2.05%, dengan kelebihan 345 mata asas. Sehingga 22 Jun 2026, ASB 3 Didik merekodkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM568 juta.

Dana ini mencatatkan agihan dividen yang lebih tinggi sebanyak 5.50 sen seunit bagi tahun kewangan tersebut, berbanding 5.25 sen seunit pada tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan prestasi yang berdaya tahan di tengah persekitaran pelaburan global yang mencabar, dipacu oleh ketidakpastian kadar faedah, ketegangan geopolitik yang meningkat serta ketidakpastian pasaran yang berterusan. Agihan yang lebih kukuh ini disokong oleh pendekatan pelaburan yang berdisiplin serta keupayaan dana memanfaatkan peluang yang terhasil daripada kepimpinan pasaran yang dipacu teknologi.

Prestasi ini mencerminkan komitmen berterusan PNB dalam menyampaikan pendapatan yang mampan serta nilai jangka panjang kepada pelabur Bumiputera melalui pengurusan pelaburan yang berdisiplin dan proaktif.

Sepanjang tahun kewangan, dana terus menjana sebahagian besar pendapatan daripada keuntungan direalisasikan dan pendapatan dividen merentasi portfolio ekuiti domestik dan global yang pelbagai. Seiring dengan perubahan keadaan pasaran, dana turut memperkukuh peruntukan dalam aset pendapatan tetap bagi meningkatkan kestabilan pendapatan serta daya tahan portfolio.

Keputusan ini menggariskan pendekatan pelaburan PNB yang berdisiplin, disokong oleh pengurusan portfolio yang kukuh, pemantauan risiko yang aktif serta pemantauan prestasi berterusan merentasi kitaran pasaran.

Kemaskini Perkhidmatan dan Kempen ASNB

ASNB sebelum ini telah memperkenalkan Zakat al-Mustaghallat melalui kaedah pembayaran secara kolektif (Khultah) bagi memudahkan pengurusan zakat dalam kalangan pemegang unit Muslim. Pemegang unit Muslim boleh memilih untuk menyertai Kelas B bagi menerima agihan pendapatan bersih selepas zakat. Pemegang unit boleh membuat pilihan untuk menyertai Kelas B dengan mudah melalui aplikasi atau portal myASNB, kiosk ASNB, atau secara kaunter di cawangan dan ejen. ASB 3 Didik menandakan agihan pendapatan pertama di bawah struktur ini, di mana kadar zakat sebanyak 2.57% dikenakan ke atas dividen, menjadikan kadar dividen bersih yang diselaraskan sebanyak 5.36% daripada kadar diisytiharkan 5.50%. Inisiatif ini menawarkan penyelesaian yang lancar dan automatik, sambil mengekalkan pulangan yang kompetitif serta menyokong kemampuan pelaburan jangka panjang.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan penangguhan urus niaga

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2026. Urus niaga bagi ASB 3 Didik di cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, akan digantung sementara dari 26 hingga 30 Jun 2026 bagi tujuan pengiraan agihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyambung semula urus niaga melalui portal myASNB (www.myasnb.com.my), aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2026.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampuan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) lebih 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang yang berpatutan.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad